


AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

HARI : AHAD

TARIKH : 15 FEBRUARI 2014

MUKA 18 • MINGGUAN MALAYSIA

Dalam Negeri



ABDUL Aziz Mohd. Muzir bersama Shamsinar Ismail (dua dari kanan) serta anak dan menantunya, Siti Azmira Abdul Aziz dan Mohd. Shahril Nahar selepas menyaksikan pasangan pengantin itu melangsungkan pernikahan di Institut Kanser Negara, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Pasangan pengantin nikah di IKN

MM 16/02/2014 P18

PUTRAJAYA 15 Feb. - Sepasang pengantin mengambil keputusan melangsungkan pernikahan di Institut Kanser Negara (IKN) bagi memenuhi impian ayah pengantin perempuan yang kini kritikal di hospital berkenaan.

Mohd Shahril Nahar, 26, dimikahkan dengan pasangannya Siti Azmira Abdul Aziz, 24 berwakil walikan Imam Masjid Putra, Rosmadi Saad di Wad Multi-Disiplin 9A IKN di sini hari ini.

Mereka mengambil keputusan mempercepatkan majlis pernikahan yang sepatutnya diadakan pada Ogos ini, selepas ayah pengantin perempuan Abdul Aziz Mohd. Muzir, 77, yang disahkan menghidap kanser Januari tahun lalu semakin kritikal.

Siti Azmira ketika ditemui berkata, doktor juga menjangkakan ayahnya hanya mempunyai tempoh singkat untuk terus hidup, bagi memenuhi impiannya majlis pernikahan dia dan pasangan dipercepatkan.

Katanya, sebagai anak bongsu daripada lapan adik beradik dia tidak mahu kekuatan semangat ayahnya untuk melihat dia menamatkan zaman dara disia-siakan begitu saja.

"Saya tidak kisah bernikah di hospital asalkan ayah dapat lihat saya dimikahkan kerana keadaan

ayah semakin kritikal.

"Pada Januari tahun lalu, doktor mengesahkan ayah menghidap kanser tahap empat tetapi semangat ayah sangat kuat dan mampu bertahan hingga hari ini.

"Sehinggalah Rabu minggu lalu, keadaan ayah semakin kritikal dan doktor menjangkakan dia ada sebulan saja lagi untuk hidup kerana peratus pemulihan kurang 20 peratus, sel kanser sudah merebak ke bahagian tulang dan ayah sudah semakin tidak bermaya jadi kami sekeluarga memutuskan untuk mempercepatkan majlis ini," katanya.

Sementara itu, isteri Abdul Aziz, Shamsinar Ismail, 61, berkata, keadaan suaminya semakin tenat ketika dimasukkan ke IKN minggu lalu.

"Ada ketikanya dia tidak sedar, tetapi pagi ini dia bangun dengan penuh semangat dan minta dirapikan, dia juga minta saya pakaikan baju yang cantik untuk menyaksikan perkahwinan anak bongsunya.

"Hari ini dia nampak sangat bersemangat walaupun terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan. Alhamdulillah, segalanya berjalan lancar dan saya pasti dia gembira dengan majlis ini," katanya.